

Bausch + Lomb

Artelac Rebalance

Ia adalah produk pelbagai komponen sesuai dalam memberi kelegaan and perlindungan yang tahan lama pada mata kering disebabkan oleh disfungsi air mata kronik. Artelac Rebalance mempunyai komponen penting yang terdapat dalam mata dan air mata secara semulajadi, dan ia memberi sokongan ketika air mata kekurangan serta dalam keseimbangan filem air mata supaya fungsi dan perlindungan yang sepatutnya dapat dilaksanakan. Ia berfungsi dengan melegakan pelbagai simptom mata berkaitan dan yang disebabkan disfungsi air mata kronik seperti perasaan pedih, letih, kasar, mata menjadi merah dan/atau keradangan dengan kesakitan. Tersedia dengan pengawet lesap inovatif dalam botol titis mata konvensional, Artelac Rebalance adalah larutan pelbagai komponen untuk disfungsi air mata kronik. Ia menyokong air mata semula jadi dengan memberikan pelinciran dan penghidratan segera untuk melegakan mata anda sambil menjaga persekitaran permukaan okular yang sihat untuk perasaan lega dan perlindungan yang tahan lama.

- Artelac Rebalance mengandungi komponen utama yang terdapat secara semula jadi pada mata dan air mata, termasuk natrium hialuronat, sejenis pelembap berkesan yang mengikat air, nutrien dan ion pembersih (seperti kalium, magnesium, natrium dan kalsium) pada permukaan mata untuk penghidratan dan kelegaan maksima.
- Artelac Rebalance juga mengandungi Vitamin B12, memberikan Artelac Rebalance warna merah jambu yang lesap cepat dengan pengelipan mata.
- Artelac Rebalance direka dengan dwi-polimer untuk meningkatkan jangka masa kelegaan.
- Artelac Rebalance adalah hipotonik dan melegakan mata kerana ia membantu mengembalikan keseimbangan osmotik fisiologi filem air mata dan permukaan okular.
- Artelac Rebalance mengandungi sistem pengawet yang inovatif di mana ia berubah kepada air dan garam, iaitu komponen-komponen air mata semula jadi, dengan serta merta apabila bersentuhan dengan permukaan okular.
- Artelac Rebalance mudah digunakan dan selamat.

Sila baca arahan penggunaan ini dengan teliti. Ia mengandungi maklumat penting tentang cara penggunaan produk ini. Jika anda mempunyai apa-apa soalan, sila bertanya kepada ahli farmasi dan doktor anda atau hubungi kami.

Komposisi:

Artelac Rebalance mengandungi natrium hialuronat 0.15%, polietilena glikol 8000 0.5%, kalium klorida, kalsium klorida, magnesium klorida, natrium klorida, vitamin B12, asid borik dan air steril. Oxyd digunakan sebagai bahan pengawet lembut yang berubah kepada air dan garam dengan segera pada permukaan mata.

Bentuk:

Artelac Rebalance boleh didapati dalam botol titisan mata 10ml.

Kegunaan Utama Artelac® Rebalance:

Artelac Rebalance paling sesuai digunakan untuk melegakan dan melegakan simptom mata kering degil disebabkan kekurangan air mata kronik. Kekurangan air mata kronik boleh disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk keradangan dan disfungsi kelenjar air mata, masalah kelopak mata dan deria, dan / atau kualiti air mata yang teruk.

Apabila salah satu atau kebanyakan faktor-faktor ini menjejaskan air mata anda, kesan ketidakseimbangan filem air mata akan berlaku, diikuti dengan tanda dan simptom yang tidak menyenangkan termasuk: keradangan permukaan mata, kemerahan, sensasi mata pedih, kering, kepekaan cahaya, perasaan letih, mata kasar dan menyakitkan, yang jika tidak dirawat, boleh menyebabkan keradangan dan kerosakan kornea.

Ubatan, prosedur (seperti pil, anti-histamina, *beta-blockers*, anti-kekejangan, diuretik; LASIK, pembedahan pembetulan refraktif), penyakit tertentu serta bahan pengawet dalam titisan mata antara sebab-sebab kekeringan okular dan kecederaan kornea.

Disebabkan sifat kerumitan air mata disfungsi, rawatan yang terdapat adalah terhad. Namun Artelac Rebalance direka dengan pelbagai komponen untuk memberikan kelegaan tahan lama dalam kekeringan mata. Ia juga membekalkan filem air mata semulajadi dengan komponen penting untuk melaksanakan fungsi yang sepatutnya. Ia membantu menghentikan simptom berkenaan mata kering, melembabkan mata and melindungi permukaan mata.

Berapa kerapkah anda patut menggunakan Artelac Rebalance?

Rawatan untuk keadaan mata kering adalah mengikut rejim individu yang berdasarkan keadaan dan simptom anda. Titiskan satu titisan Artelac Rebalance pada mata 3 hingga 5 kali setiap hari.

Maklumat penting tentang penggunaan Artelac Rebalance

Dalam kes yang jarang berlaku, produk ini mungkin mengakibatkan tindak balas hipersensitif seperti reaksi alahan. Penggunaan perlu dihentikan dalam situasi yang sedemikian. Jangan gunakan produk ini jikalau anda alah kepada sebarang isi kandungan produk ini.

Jangan gunakan Artelac Rebalance selepas tarikh luput.

Jangan gunakan jika botol telah rosak.

Jika anda menggunakan penyediaan mata lain, tunggu untuk kira-kira 15 minit sebelum menitis titisan seterusnya.


Artelac Rebalance boleh digunakan dengan semua jenis kanta mata lekap, dan boleh dititiskan ketika anda memakai kanta mata lekap anda.

Artelac Rebalance adalah larutan berwarna merah jambu yang disebabkan oleh Vitamin B12 (sianokobalamina), tapi ia tidak akan mencemari baju ataupun kanta mata lekap anda dan sebarang pewarnaan ringan akan lesap dalam air mata.


Cara penggunaan Artelac Rebalance dengan betul:

Ilustrasi di bawah menunjukkan cara penggunaan Artelac Rebalance yang ringkas dan mudah.

1. Buka penutup pelindung daripada hujung botol sebelum setiap penggunaan. Pastikan hujung botol tidak menyentuh jari anda.




2. Condongkan kepala anda sedikit ke belakang dan tarik kelopak bawah mata anda ke bawah bawah secara sedikit menggunakan jari tangan bebas anda dan pegang botol secara menegak di atas mata anda dengan muncung menghala ke bawah. Picit secara perlahan untuk menitis satu titisan.



Elakkan sentuhan hujung botol dengan mata atau jari anda untuk mencegah kemungkinan pencemaran larutan berlaku.

3. Tutup botol dengan penutup pelindung selepas setiap penggunaan.



Dr. Gerhard Mann

Chem.-pharm. Fabrik GmbH

Brunsbütteler Damm 165-173

D-13581 Berlin



Simpan barangan perubatan ini pada suhu antara +1°C dan +25 °C



Jangan guna Artelac Rebalance jika botol telah rosak.



Ikutlah arahan penggunaan!



Barangan perubatan ini boleh digunakan untuk 2 bulan selepas dibuka.



Pernyataan lot.



Kaedah pensterilan, aseptik.

CE 0483



Tarikh luput



Lindungi daripada cahaya.

Maklumat tambahan tentang Artelac Rebalance

Apakah peranan filem air mata?

Filem air mata terdiri daripada tiga lapisan pada depan mata anda yang membekalkan nutrien penting pada permukaan mata, membentuk lapisan pelindung licin di antara kelopak mata dan kornea, serta memelihara penglihatan yang sihat dan jelas.

Filem air mata semula jadi yang tersebar pada permukaan mata setiap kali anda mengejapkan mata membekalkan nutrien, megelőakkan kekeringan, membantu pemulihan kecederaan kecil pada kornea serta mencegah kerosakan lanjut daripada berlaku. Lapisan paling dalam - lapisan mukin, membantu mengikat kelembapan dan air mata pada mata. Lapisan tengah dan juga yang terbesar - lapisan akuous, adalah larutan nutrien dan ion yang membantu melembapkan dan melindungi mata dari jangkitan. Lapisan paling luar – lapisan lipid, adalah lapisan padat dan berminyak yang melindungi kelembapan pada mata, membolehkan gerakan kelopak mata secara bebas pada permukaan mata, dan menyama-ratakan permukaan mata untuk penglihatan yang lebih tajam. Ia adalah sejenis keseimbangan simbiotik yang memastikan kesihatan dan keselesaan permukaan okular.

Ketika keseimbangan filem air mata terjejas akibat disfungsi air mata kronik, kekurangan atau kualiti air mata teruk boleh menyebabkan ketidakseimbangan pada lapisan filem air mata dan mencetuskan kejadian (termasuk radang pada permukaan mata atau menjadi merah) dan simptom (termasuk kerengsaan, rasa pedih, letih) yang menyebabkan keadaan menjadi lebih teruk.

Disfungsi air mata kronik adalah penyakit rumit yang tidak mempunyai penawar yang berkesan. Namun bagi kebanyakan kes, anda boleh merawat simptom mata kering dan menguatkan air mata anda untuk megelőakkan simptom berkaitan mata kering dan melindungi daripada keradangan dan kerosakan okular.

Bagaimana Artelac Rebalance membantu mata anda?

Artelac Rebalance dengan dwi-polimer natrium hiluronat dan PEG 8000, air steril dengan kalium, magnisium, kalsium, natrium, dan vitamin B12 melincir, menyokong dan mengimbangkan lapisan air mata untuk merawat simptom-simptom air mata kering dan menjaga persekitaran permukaan okular yang sihat yang membantu melindungi kornea dari kerosakan.

Bagaimanakah lagi anda dapat menjaga mata yang kering dan letih?

- Berehatlah dari semasa ke semasa jika anda bekerja di hadapan komputer.
- Selalu kerdipkan mata anda.
- Pastikan bilik atau pejabat anda mendapat udara segar semula jadi, atau pertimbangkan penggunaan alat pelembap
- Minum air yang mencukupi.
- Lindungi mata anda daripada angin ketika anda keluar.

- Pertimbangkan untuk menyeleraskan diet anda untuk menyertakan lebih banyak Omega-3 dan Vitamin B Kompleks.

Artelac Rebalance, Ogos 2019

®/TM adalah tanda dagang Bausch & Lomb atau sekutunya.

© Bausch & Lomb Inc.